



LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH

**GARIS PANDUAN**  
**PERMOHONAN PERMIT**  
***SUFFERANCE WHARF***

## **1. PENGENALAN & PUNCA KUASA**

Selaras dengan Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (LPPS) 1967, dimansuhkan dan digubal semula oleh Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 dibaca bersama dengan Warta Kerajaan Negeri Sabah No. 16 tahun 1977, semua *Sufferance Wharves* (Jeti Persendirian dan *Mid-Stream*) di seluruh Sabah adalah diisytiharkan oleh Menteri Kerja Raya Sabah (dahulu Menteri Komunikasi dan Kerja Raya) di bawah Warta tersebut sebagai pelabuhan di bawah Seksyen 3, Enakmen LPPS 1981, berkuatkuasa 1hb Januari 1977. Ini termasuklah kesemua tempat perdaratan lain (Jeti Persendirian dan *Mid-Stream*) selain daripada pelabuhan-pelabuhan yang dimiliki oleh LPPS.

Garis panduan ini merupakan arahan bertulis yang menjelaskan aturan tatacara permohonan dan pembaharuan Permit *Sufferance Wharf* (Jeti Persendirian dan *Mid-Stream*) yang digunapakai oleh LPPS.

## **2. OBJEKTIF**

Objektif garis panduan ini adalah :

- i. Mendokumentasikan tatacara permohonan, pemprosesan dan kelulusan Permit *Sufferance Wharf*;
- ii. Memberi garis panduan prosedur permohonan Permit *Sufferance Wharf*;
- iii. Menyenaraikan pra-syarat dan kriteria yang perlu dipenuhi bagi kelulusan Permit *Sufferance Wharf*;

## **3. KEPERLUAN PEMATUHAN**

### **3.1. KEPERLUAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF***

Mana-mana pihak yang ingin memuat dan memunggah kargo selain daripada Kawasan Pelabuhan adalah perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Permit *Sufferance Wharf* daripada Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah.

### 3.2. TANGGUNGJAWAB PEMEGANG PERMIT *SUFFERANCE WHARF*

Semua pemegang Permit *Sufferance Wharf* yang diluluskan oleh Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah hendaklah mematuhi kesemua terma dan syarat permit seperti yang termaktub dalam surat kelulusan yang dikeluarkan setiap tahun dengan menandatangani borang pengesahan memahami dan persetujuan mematuhi syarat-syarat permit.

## 4. KAEDAH PERMOHONAN

Kaedah permohonan baharu dan pembaharuan Permit *Sufferance Wharf* boleh dilakukan secara **online** atau penyerahan borang permohonan kepada Ibu Pejabat LPPS pada masa kini.

### 4.1. PROSES PERMOHONAN BAHARU/PEMBAHARUAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF*:-

4.1.1. Pemohon hendaklah mengemukakan borang permohonan Permit *Sufferance Wharf* (*seperti dalam Lampiran LPPS/SW/RGN* untuk permohonan baharu atau LPPS/SW/RNW untuk pembaharuan) yang lengkap kepada LPPS. Borang tersebut boleh diperolehi daripada laman web rasmi LPPS <https://lpps.sabah.gov.my/>.

Permohonan Permit *Sufferance Wharf* juga boleh dilakukan secara *online* melalui laman sesawang *Sufferance Wharves Management System* (SWMS) di <https://swms.lpps.com.my/>.

4.1.2. Kesemua dokumen yang dinyatakan seperti di dalam senarai semak (*checklist*) (Lampiran A) perlu dilampirkan bersama borang permohonan Permit *Sufferance Wharf*.

4.1.3. Selepas LPPS menerima permohonan Permit *Sufferance Wharf* yang baharu daripada pemohon Pegawai Operasi akan memastikan semua dokumen yang diterima/dimuat naik ke dalam sistem adalah lengkap.

- 4.1.4. Pegawai Operasi akan memastikan pemohon telah membuka akaun dengan Sabah Ports Sdn. Bhd. dan membuat semakan tunggakan hutang (jika ada).
- 4.1.5. Pegawai Operasi akan membuat penilaian untuk memastikan permohonan memenuhi pra-syarat dan kriteria berdasarkan polisi LPPS untuk kelulusan Permit *Sufferance Wharf*. Permohonan yang memenuhi pra-syarat dan kriteria akan dimajukan untuk kelulusan Pengurus Besar.
- 4.1.6. Setelah mendapat kelulusan Pengurus Besar, LPPS akan mengeluarkan surat arahan pembayaran caj permit kepada pemohon. Pemohon perlu membuat bayaran berdasarkan caj jadual di **Perkara 6** dan mengemukakan resit pembayaran kepada LPPS.

Jika permohonan dibuat secara *online*, pemohon perlu memuat naik resit pembayaran dan menyatakan nombor rujukan pembayaran, nilai bayaran, dan tarikh transaksi melalui *Sufferance Wharves Management System (SWMS)* : <https://swms.lpps.com.my/> di bahagian “status permohonan”.

- 4.1.7. Setelah pembayaran dibuat, Bahagian Kewangan LPPS akan mengeluarkan resit dan salinan yang dipanjangkan kepada Bahagian Operasi.

Bagi permohonan online, resit asal (*Original Receipt*) akan dimuat naik melalui *Sufferance Wharves Management System (SWMS)* : <https://swms.lpps.com.my/> di bahagian “status permohonan”.

- 4.1.8. Pihak LPPS akan mengeluarkan surat tiada halangan kepada pemohon bagi tujuan mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM).

4.1.9. Setelah mendapatkan kelulusan JKDM, pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan JKDM kepada LPPS atau memuat naik melalui *Sufferance Wharves Management System* (SWMS) : <https://swms.lpps.com.my/> di bahagian “status permohonan”.

4.1.10. LPPS akan mengeluarkan surat kelulusan dan permit yang ditandatangani oleh Pengurus Besar kepada pemohon melalui kiriman perkhidmatan kurier atau serahan tangan.

Pemohon hendaklah menandatangani borang pengesahan memahami dan persetujuan mematuhi syarat-syarat permit. Borang tersebut hendaklah dikemukakan semula kepada LPPS.

4.1.11. LPPS akan memajukan sesalinan surat kelulusan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS), Sabah Ports Sdn. Bhd. (SPSB) dan lain-lain Jabatan atau Agensi Kerajaan yang berkenaan sebagai pemakluman.

## 5. TERMA DAN SYARAT PERMIT *SUFFERANCE WHARF*

Semua pemegang Permit *Sufferance Wharf* adalah wajib untuk mematuhi terma dan syarat yang ditentukan oleh LPPS seperti di Perkara 11.

## 6. BAYARAN PERMIT

Bayaran Permit *Sufferance Wharves* adalah berdasarkan tahun kalendar dan perlu diperbaharui setiap tahun. Bayaran pro-rata tidak diterima. Semua pemohon yang berjaya dikehendaki membayar caj permit sebelum pengeluaran permit. Yuran Permit *Sufferance Wharves* adalah berdasarkan kepada jadual yang berikut:

| JUMLAH KENDALIAN BAGI SATU<br>(1) TAHUN<br>(MT) | CAJ BAYARAN BAGI SATU<br>(1) TAHUN |
|-------------------------------------------------|------------------------------------|
| 500,001 dan keatas                              | RM 4,000.00                        |
| 100,001 - 500,000                               | RM 3,000.00                        |
| 50,000 - 100,000                                | RM 2,000.00                        |
| 50,000 kebawah                                  | RM 1,000.00                        |
| Permit Baharu                                   | RM 1,000.00                        |

## 7. PEMBATALAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF*

Kegagalan mematuhi syarat-syarat Permit akan mengakibatkan Permit tersebut ditarik balik dan dibatalkan seterusnya operasi Jeti Persendirian akan diberhentikan sepenuhnya dengan kerjasama Jabatan atau Agensi Kerajaan yang lain.

## 8. PEMAKAIAN

Garis Panduan Permohonan Permit *Sufferance Wharf* ini adalah terpakai ke atas Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dan semua pemegang Permit *Sufferance Wharf* yang sah.

## 9. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Permohonan Permit *Sufferance Wharf* ini adalah berkuatkuasa pada **(tarikh yang dinyatakan pada *port circular*)**.

## 10. PINDAAN

Garis Panduan Permohonan Permit *Sufferance Wharf* ini adalah tertakluk kepada pindaan tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan arahan bertulis daripada Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah.

## 11. TERMA DAN SYARAT PERMIT *SUFFERANCE WHARF*


- 11.1. Kelulusan permit ini adalah tertakluk kepada kelulusan kebenaran untuk mendarat / memuat barang-barang di tempat yang diluluskan oleh LPPS.
- 11.2. Tempoh sah permit bermula pada tarikh kelulusan hingga akhir tahun tersebut.
- 11.3. Permit ini adalah bertujuan untuk membenarkan syarikat memuat dan memunggah kargo syarikat sendiri sahaja. Pihak syarikat adalah dilarang untuk mengendalikan kargo pihak ketiga. Jenis kargo dan aktiviti syarikat yang dibenarkan adalah terhad seperti yang diluluskan oleh LPPS.
- 11.4. Kargo-kargo yang tidak diluluskan oleh LPPS harus dikendalikan melalui Pelabuhan yang terdekat.
- 11.5. Semua dokumen pengendalian kargo seperti *Form A (Notice of Ship's Arrival)*, *Cargo Manifest*, *Custom Attendance* dan lain-lain hendaklah dikemukakan kepada **Sabah Ports Sdn. Bhd.**, bagi tujuan pembayaran '*General Port Charges*' (GPC) seperti yang tertakluk dalam ***Sabah Ports Authority (Scale of Dues and Charges) Regulation 1977 (Tariff Item No. 6 & No. 32)***.
- 11.6. Semua salinan dokumen yang sama seperti di Perkara 5 di atas hendaklah dikemukakan ke e-mel [unitoperasi@lpps.com.my](mailto:unitoperasi@lpps.com.my) bagi tujuan rekod dan pemantauan.
- 11.7. Semua kargo yang dikendalikan di jeti atau *mid-stream* wajib diisytiharkan dan sebarang pengendalian kargo yang tidak diluluskan oleh LPPS adalah dilarang sama sekali.

- 11.8.** Pematuhan terhadap *International Ship and Port Facility Security Code* (ISPS) adalah wajib sekiranya pihak syarikat berurusan dengan kapal-kapal asing (*foreign vessel*).
- 11.9.** Pihak LPPS berhak menarik balik Permit *Sufferance Wharf* atas dasar keperluan dan kepentingan LPPS dan Kerajaan.
- 11.10.** Pihak syarikat hendaklah membenarkan kakitangan LPPS atau sesiapa yang diberi kuasa oleh LPPS untuk memasuki kawasan jeti / *mid-stream* bagi tujuan pemantauan dan pemeriksaan pada bila-bila masa.
- 11.11.** Kelulusan permit ini adalah terhad diberikan kepada pihak syarikat sahaja (*personal to holder*). Permit ini tidak boleh dipindah milik atau diberikuasa (*authorised*) kepada pihak lain.
- 11.12.** Pihak syarikat bertanggungjawab memastikan langkah-langkah kawalan keselamatan dilaksanakan dalam kawasan jeti bagi tujuan mengelakkan penggunaan jeti secara haram oleh pihak lain.
- 11.13.** LPPS berhak untuk meminda, menambah atau membatalkan apa-apa syarat yang terkandung dalam permit ini pada bila-bila masa sahaja tanpa memberi apa-apa alasan.
- 11.14.** Pihak syarikat mestilah mempamerkan Permit *Sufferance Wharf* yang diluluskan di premis jeti pemohon.
- 11.15.** Pihak syarikat juga hendaklah mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa pada setiap masa.
- 11.16.** LPPS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang insiden/kemalangan yang berlaku ke atas mana-mana *Sufferance Wharves* dan persekitarannya.

PROSEDUR PERMOHONAN BAHARU/PEMBAHARUAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF*

| KETERANGAN                                                                                                                                 | GARIS MASA                                                     |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------|
| <b>MULA</b>                                                                                                                                |                                                                |
| 1. Penyerahan borang permohonan Permit <i>Sufferance Wharf</i> yang lengkap kepada LPPS atau melalui laman sesawang SWMS LPPS.             | <b>(Tindakan pemohon)</b>                                      |
| 2. Pemohon perlu melampirkan atau memuat naik melalui laman sesawang SWMS LPPS semua dokumen berdasarkan senarai semak keperluan LPPS.     | <b>(Tindakan pemohon)</b>                                      |
| 3. LPPS menyemak dan memastikan borang dan dokumen yang diterima adalah lengkap untuk diproses.                                            | <b>2 Hari<br/>(Untuk permohonan yang lengkap sahaja)</b>       |
| 4. LPPS memastikan pemohon telah membuka akaun dengan SPSB dan mendapatkan semakan tunggakan hutang (jika ada).                            | <b>3 Hari<br/>(Tempoh untuk tindakan SPSB)</b>                 |
| 5. Unit Operasi LPPS membuat penilaian untuk memastikan kriteria untuk kelulusan permit <i>Sufferance Wharf</i> dipenuhi                   | <b>5 Hari</b>                                                  |
| 6. Pemohon membayar caj permit ke Bahagian Kewangan LPPS dan mengemukakan resit pembayaran kepada LPPS.                                    | <b>(Tindakan pemohon)</b>                                      |
| 7. LPPS mengeluarkan surat tiada halangan kepada pemohon bagi tujuan untuk mendapatkan kelulusan daripada JKDM.                            | <b>Serta merta (selepas pembayaran diterima)</b>               |
| 8. Pemohon memajukan salinan surat kelulusan JKDM kepada LPPS                                                                              | <b>(Tindakan pemohon)</b>                                      |
| 9. Pengeluaran surat kelulusan dan permit.                                                                                                 | <b>Serta merta (Setelah menerima salinan kelulusan Kastam)</b> |
| 10. Pemohon mendatangi surat borang pengesahan memahami dan persetujuan mematuhi syarat-syarat permit dan mengemukakan semula kepada LPPS. | <b>Serta merta</b>                                             |

**CARTA ALIRAN PROSES PERMOHONAN BAHARU / PEMBAHARUAN PERMIT  
*SUFFERANCE WHARF***



**LAMPIRAN C: BORANG PERMOHONAN BAHARU (*NEW APPLICATION*) DAN  
PEMBAHARUAN (*RENEWAL*) PERMIT *SUFFERANCE WHARF***

LPPS/SW/RGN-01/2023



**LEMBAGA PELABUHAN - PELABUHAN SABAH**

*(Permit Sufferance Wharf ini tertakluk kepada Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Skala Diu dan Caj) 1977 serta pindaan-pindaannya yang dibaca bersama dengan Warta Kerajaan Negeri Sabah No.16 Tahun 1977)*

**BORANG PERMOHONAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF* (*NEW APPLICATION*)**

TAHUN \_\_\_\_\_

**PANDUAN MENGISI BORANG**

1. Pemohon hendaklah mencetak borang permohonan daripada laman sesawang (*website*) LPPS: [www.lpps.sabah.gov.my](http://www.lpps.sabah.gov.my).
2. Sila guna satu (1) borang untuk setiap lokasi *Sufferance Wharf* (*Jeti Persendirian atau Mid-Stream*).
3. Sila lengkapkan borang ini dan sertakan bersama dokumen-dokumen seperti dalam senarai semak (*checklist*) yang disertakan.
4. Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar melalui e-mel kepada Unit Operasi ke alamat berikut:  
**unitoperasi@lpps.com.my**.
5. Sila hantar melalui serahan tangan / kurier salinan dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar (*certified true copy*) kepada :  
**Pengurus Besar, Unit Operasi & Marin, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Bangunan Ibu Pejabat LPPS, Jalan Tun Fuad, Tanjung Lipat, 88617 Kota Kinabalu, Sabah** untuk rekod rasmi LPPS.

| A. | BUTIR-BUTIR SYARIKAT<br>(DILENGKAPKAN OLEH PEMILIK / PENGURUS) |
|----|----------------------------------------------------------------|
|----|----------------------------------------------------------------|

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Berdaftar Syarikat :
  
3. Nombor Daftar Syarikat :
4. Nama Jeti (jika ada) :
5. Lokasi Jeti (alamat penuh) :
  
- a) Kedudukan Latitud & Longitud :
- b) Jarak dengan pelabuhan terdekat (Kilometer) :
6. Tarikh pertama lesen berdaftar dengan LPPS :
7. No. Telefon :
8. No. Faks :
9. E-mel :
10. Jenis Kargo :  
(Perlu dicatat secara terperinci. Sertakan senarai di lampiran baru jika ruang tidak mencukupi) :
11. Ajen Perkapalan (Jika ada) :
12. Nama Pegawai/Ejen & No. Telefon :
13. Jumlah Kargo (MT = Metrik Tan) :  
(Anggaran jumlah kargo tahunan) :

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemilik / Pengurus

\_\_\_\_\_  
Cop Rasmi Syarikat

Nama :  
No K/P :  
Jawatan :  
Tarikh :

**LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**  
**GARIS PANDUAN PERMOHONAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF***

---

LPPS/SW/RGN-01/2023

**B. SEMAKAN DAN REKOMENDASI UNIT OPERASI**

---

13. Borang Permohonan :  Lengkap

Tidak Lengkap (*nyatakan sebab di bawah*) :

---

---

---

---

---

14. Rekomendasi :

---

---

---

---

---

---

.....  
Tandatangan Penolong Pengurus Besar (Operasi)

Nama :

Tarikh :

**C. KELULUSAN PENGURUS BESAR**

---

15. Status Kelulusan :  Lulus

Tidak Lulus (*nyatakan sebab di bawah*) :

---

---

---

---

---

---

.....  
Tandatangan Pengurus Besar

Nama :

Tarikh

LAMPIRAN B: BORANG PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF (RENEWAL)*

LPPS/SW/RNW-01/2023



**LEMBAGA PELABUHAN - PELABUHAN SABAH**

(Permit *Sufferance Wharf* ini tertakluk kepada Enakmen Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah 1981 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah (Skala Diu dan Caj) 1977 serta pindaan-pindaannya yang dibaca bersama dengan Warta Kerajaan Negeri Sabah No.16 Tahun 1977)

**BORANG PERMOHONAN PERMIT *SUFFERANCE WHARF (RENEWAL)***

TAHUN \_\_\_\_\_

**PANDUAN MENGISI BORANG**

1. Pemohon hendaklah mencetak borang permohonan daripada laman sesawang (*website*) LPPS: [www.lpps.sabah.gov.my](http://www.lpps.sabah.gov.my).
2. Sila guna satu (1) borang untuk setiap lokasi *Sufferance Wharf (Jeti Persendirian atau Mid-Stream)*.
3. Sila lengkapkan borang ini dan sertakan bersama dokumen-dokumen seperti dalam senarai semak (*checklist*) yang disertakan.
4. Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar melalui e-mel kepada Unit Operasi ke alamat berikut: [unitoperasi@lpps.com.my](mailto:unitoperasi@lpps.com.my).
5. Sila hantar melalui serahan tangan / kurier salinan dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar (*certified true copy*) kepada :  
Pengurus Besar, Unit Operasi & Marin, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah, Bangunan Ibu Pejabat LPPS, Jalan Tun Fuad, Tanjung Lipat, 88617 Kota Kinabalu, Sabah untuk rekod rasmi LPPS.

**A. BUTIR-BUTIR SYARIKAT  
(DILENGKAPKAN OLEH PEMILIK / PENGURUS)**

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Berdaftar Syarikat :
3. Nombor Daftar Syarikat :
4. Nama Jeti (jika ada) :
5. Lokasi Jeti (alamat penuh) :
  - a) Kedudukan Latitud & Longitud :
  - b) Jarak dengan pelabuhan terdekat (Kilometer) :
6. Tarikh pertama lesen berdaftar dengan LPPS :
7. No. Telefon :
8. No. Faks :
9. E-mel :
10. Jenis Kargo :  
(Perlu dicatat secara terperinci. Sertakan senarai di lampiran baru jika ruang tidak mencukupi)
11. Agen Perkapalan (Jika ada) :
12. Nama Pegawai/Ejen & No. Telefon :
13. Jumlah Kargo (MT = Metrik Tan) :  
(Kargo tahun semasa / terkini) **dan**  
[Anggaran kargo bagi baki bulan (*remaining months*) tahun semasa]

Tandatangan Pemilik / Pengurus

Cop Rasmi Syarikat

Nama :  
No K/P :  
Jawatan :  
Tarikh :

**LAMPIRAN C: SENARAI SEMAK (CHECKLIST) PERMOHONAN BAHARU (NEW APPLICATION) / PEMBAHARUAN (RENEWAL) PERMIT *SUFFERANCE WHARF***



**LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**

**SENARAI SEMAK / CHECKLIST**

**PERMOHONAN BAHARU (NEW APPLICATION) / PEMBAHARUAN (RENEWAL)  
PERMIT *SUFFERANCE WHARF***

| BIL | SENARAI DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | PERMOHONAN BAHARU                               | PEMBAHARUAN                                    |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|------------------------------------------------|
| 1   | Surat Permohonan Rasmi Syarikat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | ✓                                               | ✓                                              |
| 2   | Borang Permohonan Permit <i>Sufferance Wharf</i> LPPS                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | ✓                                               | ✓                                              |
| 3   | Lesen Berniaga (semasa)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | ✓                                               | ✓                                              |
| 4   | Dokumen Syarikat:<br>Borang 8, 9 (Seksyen 17), 13 (Seksyen 28), 24 (Seksyen 78), 44 (Seksyen 46) dan 49 (Seksyen 58) di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Syarikat 2016                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | ✓                                               | Sekiranya ada perubahan                        |
| 5   | Salinan Geran Tanah / <i>Temporary Occupational License</i> (TOL) / Perjanjian Sewaan atau Pajak (disahkan benar) semasa untuk mengesahkan status pemilikan tanah di lokasi jeti berkenaan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              | ✓                                               | Sekiranya ada perubahan atau perjanjian baharu |
| 6   | Surat "Tiada Halangan" daripada Jabatan Pelabuhan dan Dermaga Sabah (JPDS) untuk tahun permohonan dibuat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                | ✓                                               | ✓                                              |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Tidak berkenaan untuk pemohon <i>Multi-User</i> |                                                |
| 7   | Surat "Tiada Halangan" daripada Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sabah (JLMWS) untuk tahun permohonan dibuat                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               | ✓                                               | ✓                                              |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         | Tidak berkenaan untuk pemohon <i>Multi-User</i> |                                                |
| 8   | Surat "Kelulusan / Tiada Halangan / Sokongan" daripada Jabatan / Agensi yang sah yang berkaitan (jika perlu):<br><input type="checkbox"/> Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) – (Petroleum)<br><input type="checkbox"/> Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia Cawangan Sabah (Petroleum)<br><input type="checkbox"/> Jabatan Perhutanan Sabah (Kayu)<br><input type="checkbox"/> Setiausaha Hasil Bumi (Batu & Pasir)<br><input type="checkbox"/> Jabatan Perlindungan Alam Sekitar Negeri Sabah (JPAS) (EIA)<br><input type="checkbox"/> Lain-lain (Nyatakan) :<br>_____ | Mana-mana yang berkaitan                        |                                                |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                 |                                                |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                 |                                                |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                 |                                                |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                 |                                                |
|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                                                 |                                                |

**TINDAKAN (UNTUK KEGUNAAN LPPS SAHAJA):**